

17 MAR 1997

Anwar - Cyberjaya

DR MAHATHIR LAKUKAN PECAH TANAH CYBERJAYA MEI INI

SEPANG, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara memecah tanah bagi pembinaan Cyberjaya, bandar raya teknologi maklumat yang akan menempatkan antara lain universiti multimedia di sini pertengahan Mei ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata semua kemudahan infrastruktur termasuk lebuh raya, telekomunikasi, bekalan elektrik dan air bagi keperluan Cyberjaya telah diambil kira dan pelaksanaannya mengikut jadual.

"Untuk maksud pelaksanaan segera, kita akan teruskan dengan kerja-kerja di tapak seluas 750 hektar untuk membolehkan upacara pecah tanah oleh Perdana Menteri dilakukan," katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan Cyberjaya di sini hari ini.

Anwar berkata beliau bangga kerana penyertaan syarikat-syarikat asing terutama syarikat multimedia cukup menggalakkan dan ada beberapa syarikat yang hanya menunggu kelulusan tapak tanah untuk memulakan kerja di Cyberjaya termasuk syarikat NTT dari Jepun.

"Saya lebih berbangga kerana keyakinan yang ditunjukkan oleh syarikat gergasi dan utama di Malaysia sendiri seperti Telekom Malaysia yang akan meletakkan fakulti multimedia di Cyberjaya termasuk pusat penyelidikan dan pembangunannya (R&D)," katanya.

Anwar berkata TV3 akan menyegerakan pelaksanaan kompleks barunya yang canggi di Cyberjaya manakala Permodalan Nasional Berhad (PNB) mungkin menempatkan ibu pejabatnya yang baru dan Golden Hope pula akan menempatkan pusat penyelidikan dan ibu pejabatnya di situ.

"Kita juga memutuskan supaya ibu pejabat Multimedia Development Corporation (MDC) disegerakan (pembinaannya di sini) dan multimedia universiti yang direncanakan oleh beberapa badan antarabangsa termasuk NTT dan TV3 (juga disegerakan)," katanya.

Anwar berkata mesyuarat jawatankuasa itu juga bersetuju supaya beberapa kemudahan dan pegawai di Majlis Daerah Sepang ditingkatkan untuk mengadakan pegawai-pegawai khas yang dapat menyelaras dan membantu pelaksanaan Cyberjaya mengikut pelan struktur yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri dan Jawatankuasa Pelaksanaan Cyberjaya.

"Saya telah menegaskan agar semua pihak terlibat dapat menjalankan kerja mengikut jadual.

"Sementara kita berbangga tahap kemajuan yang telah dicapai kita akan meneliti kemajuan setiap dua minggu dan saya juga telah meminta jasa baik Menteri Besar Selangor (Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib) untuk membantu di peringkat negeri Selangor dan Ketua Setiausaha Negara (Datuk Paduka Abdul Halim Ali) untuk menyelaraskan di peringkat persekutuan," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata maklumat dan laporan pelaksanaan setiap dua minggu itu akan dikemukakan kepada beliau.

Beliau berkata pengambilan tanah untuk kawasan Cyberjaya yang berjumlah 2,800 hektar tidak menimbulkan masalah dan kerajaan Selangor telah mengambil langkah segera yang memuaskan.

Sebahagian besar tanah yang terlibat adalah milik kerajaan dan Golden Hope selain tanah Yayasan Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Risa, Rancangan Tanah Belia, tanah swasta dan sedikit tanah milik persendirian yang akan dibayar pampasan mengikut penilaian, katanya.

Ketika ditanya mengenai kos projek Cyberjaya itu yang terletak dalam

kawasan Koridor Raya Multimedia, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak cenderung menyebutnya kerana ia sering mengelirukan.

"Macam projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang orang kata RM20 bilionlah tetapi bila kita tengok sebenarnya besok selepas pelaksanaannya tak sampai RM10 billion...jadi sebab itu saya tak cenderung untuk menyebut tentang kos," katanya.

Lagipun, kata Anwar, hampir keseluruhan kos bagi projek Cyberjaya itu akan ditanggung oleh syarikat-syarikat swasta dan juga Cyberview Holdings, syarikat yang akan membantu mengendalikan pelaksanaan projek itu bagi pihak MDC.

Anwar berkata kawasan itu akan dibangunkan oleh sektor swasta secara berperingkat berdasarkan pelan struktur yang telah diluluskan dan ada yang dijangka siap pada tahun 1998, 1999 dan 2000.

Beberapa projek infrastruktur asas dan beberapa projek pembangunan awal dijangka siap pada tahun 1998, katanya.

"Pembangunan projek Koridor Raya Multimedia merupakan berita yang paling menarik pada masa ini dan lebih 400 pertanyaan telah diterima mengenainya yang membuktikan ia telah menarik minat utama di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa," katanya.

Syarikat-syarikat yang berminat telah meminta kerajaan menentukan tempat bagi mereka dan, menurut beliau, mereka tidak memerlukan kawasan yang luas kerana mereka menggunakan teknologi canggih.

Pengerusi MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah ketika bercakap kepada pemberita berkata tidak ada masalah besar dalam pelaksanaan Cyberjaya selain banyak permintaan untuk tapak daripada syarikat-syarikat yang berminat menyertainya.

"Kini kita mempercepatkan pelaksanaannya," katanya.

Ada syarikat berminat itu akan ditempatkan di Cyberjaya dan yang lain ditempatkan di bandar raya siber yang lain seperti di kawasan Universiti Pertanian Malaysia dan Taman Teknologi yang diberikan status projek Koridor Raya Multimedia.

Pada masa ini baru empat syarikat yang diluluskan projek masing-masing di Cyberjaya yang telah diberikan status MSC manakala yang lainnya akan diproses dalam tempoh sebulan lagi.

"Sekarang belum ada apa-apa lagi di tapak Cyberjaya kerana belum ada kebenaran diberikan untuk memasukinya...mesyuarat hari ini telah memberikan kebenaran untuk mereka masuk dan memulakan kerja," katanya.

Cyberjaya, merupakan satu kawasan seluas 2,800 hektar kebanyakannya tanah ladang bersebelahan Putrajaya, lima km ke utara Dengkil menuju Puchong.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Paduka Abdul Halim Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Datuk Haji Hashim Meon, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Datuk Dr Haji Shafie Mohd Salleh dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat terlibat.

-- BERNAMA

MNY MAI